

07 MAY 1996

Mahathir-Kedah

SAYA TAK PERLU BERI SEBAB, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 7 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau tidak perlu memberi sebarang sebab jika mahu seseorang pemimpin meletak jawatannya.

Perdana Menteri berkata kadang-kadang beliau ada meminta seseorang itu meletak jawatan atau orang itu meletak jawatannya sendiri.

Dalam soal perletakan jawatan Menteri Besar Tan Sri Osman Aroff, beliau tidak mahu mengesah atau menafikan kenyataan Osman bahawa beliau (Dr Mahathir) telah mengarahkan Menteri Besar Kedah itu berbuat demikian.

Ketika bercakap kepada pemberita selepas melancar perkhidmatan penyelenggaraan "MAS Aerotechnologies" di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah di Subang, dekat sini, Dr Mahathir berkata beliau belum membuat sebarang keputusan sama ada akan menerima perletakan jawatan Osman.

Beliau juga belum mendapat ilham mengenai Menteri Besar Kedah yang baru.

Dr Mahathir seterusnya berkata sesiapa yang bakal dilantik menjadi Menteri Besar Kedah yang baru adalah hak mutlaknya.

"Bila saya akan buat pengumuman, saya sendiri belum tahu lagi, mungkin tidak lama lagi," katanya.

Beliau berkata perkara itu tidak dibincangkan pada pertemuan dengan tujuh Anggota Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kedah di pejabatnya pagi tadi.

Ketujuh-tujuh ADUN itu dilapor menyatakan kesetiaan mereka kepada Dr Mahathir berhubung perlantikan Menteri Besar yang baru.

Ketika ditanya mengenai pertemuan yang jarang diadakan itu, Dr Mahathir berkata: "Tak tahulah jarang atau tidak, kadang-kadang akhbar tahu lebih dulu. Umpamanya saya nak ubah Datuk Seri Anwar daripada menjadi Menteri Kewangan, akhbar tahu sebelum saya memikirkannya. Mereka boleh membaca apa yang saya akan fikirkan."

Perdana Menteri berkata bahawa beliau akan menyambung pertemuan dengan beberapa orang lagi ADUN Kedah di pejabatnya esok.

Ketika menjawab soalan pemberita sama ada beliau ada menggunakan paksaan ke atas Osman supaya berundur, Perdana Menteri berkata: "Saya tak tahu fasal paksa. Tidak ada sebab tertentu berbuat demikian, cuma kita kadang-kadang tukar orang."

-- BERNAMA

AFY ZAB NAK